

22 MAY 1998

YANG DI-PERTUAN AGONG HANTAR UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN YEMEN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar ucapan tahniah kepada Presiden Yemen Jeneral Ali Abdullah Salleh sempena Hari Penyatuan Negara Yemen hari ini.

Dalam perutusan yang dikeluarkan Kementerian Luar, Seri Paduka berharap Yemen akan terus maju dan kekal aman di bawah kepimpinan Ali Abdullah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan tahniahnya kepada rakan sejawatan Dr Abdul Karim Al-Iryani berkata beliau gembira dengan hubungan baik yang terjalin antara Malaysia dan Yemen.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyampaikan mesej serupa kepada Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Yemen Abdul Kadir Bajammal.

-- BERNAMA

WNZ RON